

07 JAN 2004

Abdullah-Pertanian

MENTERI KANAN PERLU TERAJUI KEMENTERIAN PERTANIAN, KATA PM

PUTRAJAYA, 7 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, pelantikan seorang menteri kanan untuk menerajui Kementerian Pertanian membuktikan komitmen kerajaan dalam memastikan sektor pertanian memainkan peranan lebih besar dalam pembangunan negara.

Perdana Menteri berkata, Kementerian Pertanian akan memainkan peranan utama dalam pembangunan dan usaha-usaha memodenkan sektor pertanian negara di samping bertanggungjawab untuk menggalakkan program yang berhubung kait sektor itu dengan mewujudkan industri kecil dan sederhana berasaskan pertanian.

Abdullah hari ini mengumumkan rombakan kabinet yang menyaksikan pelantikan Tan Sri Muhyiddin Yassin, yang dulu memegang jawatan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, sebagai Menteri Pertanian.

"Ini bermakna usaha-usaha mengkomersilkan produk-produk pertanian itu akan menjadi usaha besar kerana kita hendak memastikan sektor pertanian mempunyai sumber-sumber baru dan pertumbuhan baru terutama daripada segi sumber menambahkan pendapatan kepada petani dan sumber kekayaan baru bagi mereka.

"Dengan itu saya fikir adalah baik sekiranya Kementerian Pertanian diberi kepada seorang menteri kanan," katanya pada sidang media mengenai rombakan Kabinet di sini hari ini.

Pada sidang berita itu, Abdullah mengumumkan rombakan kabinet melibatkan tiga kementerian iaitu Kementerian Kewangan, Pertanian dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna serta pelantikan Menteri Tugas-tugas Khas di Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Datuk Dr Jamaludin Jarjis akan mengambilalih jawatan Muhyiddin manakala Datuk Dr Mohd Effendi Norwawi, yang memegang jawatan Menteri Pertanian dilantik sebagai Menteri Tugas-tugas Khas di Jabatan Perdana Menteri.

Mengenai bidang kerja Menteri Tugas-tugas Khas, Abdullah berkata, beliau akan berbincang lanjut dengan Dr Mohd Effendi.

"Mengenai (bidang) Menteri Tugas-tugas Khas saya akan bincang secara lanjut dengan Dr Effendi khususnya berkaitan banyak juga projek-projek khas yang telah pun ditetapkan yang beliau perlu beri perhatian kepadanya mengenai pelaksanaan, penyelarasan dan sebagainya," katanya.

Jawatan Menteri Tugas-tugas Khas di JPM kali terakhir disandang oleh bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad, bagi tempoh antara 5 Jun 2001 hingga 31 Okt 2003.

Sebelum itu, ia disandang oleh bekas Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin mulai 14 Dis 1999 hingga 1 Jun 2001.

-- BERNAMA

HS MAM AM